



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025 ANGKAT JOHOR SEBAGAI HAB STRATEGIK PEMBANGUNAN LANDSKAP NEGARA

JOHOR BAHRU, 26 JUN 2025 - Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor telah melimpahi perkenan untuk berangkat bercemar duli ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Landskap Negara (HLN) 2025 bertempat di Taman Bandar Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor pagi ini. Majlis turut dihadiri oleh Menteri Besar Johor, YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

Sambutan HLN 2025 yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) berlangsung dari 25 hingga 30 Jun 2025. Sambutan kali ke-26 ini bertemakan “**Industri Landskap Pemacu Pembangunan MADANI**”, bertujuan meningkatkan kesedaran awam terutamanya dalam kalangan generasi muda terhadap kepentingan landskap dalam kehidupan seharian serta kesejahteraan bandar.

Program ini juga merupakan inisiatif berterusan KPKT dalam memperkasakan pembangunan landskap negara yang mampan dan berkualiti menjelang tahun 2035.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, “KPKT melalui JLN komited menyokong pertumbuhan sektor landskap negara yang bukan sahaja menyumbang kepada kesejahteraan bandar, malah turut menjana ekonomi negara.”

Tambah beliau, “Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sebanyak 24 jenis industri berkaitan landskap yang dikenal pasti melalui klasifikasi MSIC telah menyumbang RM39.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun 2024, bersamaan 2.0 peratus iaitu meningkat daripada RM35.68 bilion pada tahun sebelumnya.”

Hasil Banci Pertanian 2024 oleh DOSM turut mencatatkan sebanyak 1,113 pegangan pertanian melibatkan tanaman bunga dan tumbuhan landskap di seluruh negara, meliputi 45.3 ribu hektar dengan Johor mencatat keluasan tertinggi iaitu 39.6 ribu hektar. Dalam sektor pembinaan pula, sebanyak 20,537 syarikat berdaftar sebagai kontraktor landskap dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Penganjuran HLN 2025 membuktikan komitmen berterusan KPKT dalam memperkukuh jaringan strategik bersama pelbagai pihak, bagi memperluas penyertaan industri landskap ke arah pembangunan mampan yang memberi impak tinggi kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Bersempena Sambutan HLN 2025 ini, Anugerah Rosa Sinensis dan beberapa kategori anugerah lain turut disampaikan sebagai penghargaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan serta sektor swasta yang komited memperindah kawasan hijau dan memperkasa landskap bandar. Ia juga bagi memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar.

Bagi memeriahkan Sambutan HLN 2025, pelbagai aktiviti dan pertandingan turut dianjurkan seperti Pertandingan Mural dan Pembinaan Arca, Pameran Lampu *Nightscape* oleh Luna Wonderland, Persembahan dan Pameran Layang-Layang, Pameran Rekabentuk *Indoor Plant*, Pertandingan Hiasan Glamping, Bengkel Terrarium, Program Pasir Gudang Bersih & Lestari, Pertandingan Reruai Industri Terbaik, Laman PBT, Dialog Industri, Pertandingan Photojournalism dan pelbagai lagi.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib; Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Y.B. Dato' Haji Mustaffa Kamal bin Dato' Haji Shamsudin; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Tuan Mansor bin Mohamad; serta pegawai-pegawai kanan KPKT dan MBPG.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T